

Bank makanan diperluas ke IPTS, IPG

ARAU 20 Sept. -

Program Bank Makanan Siswa yang memberi manfaat kepada pelajar berpendapatan rendah (B40) akan diperluaskan ke institusi pengajian tinggi swasta (IPTS), institut pendidikan guru (IPG) dan politeknik bermula tahun depan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution berkata, menjelang akhir tahun ini, pihaknya terlebih dahulu melengkapkan perlaksanaan program tersebut di keseluruhan 20 universiti awam di negara ini.

Beliau berkata, format sama perlaksanaan program tersebut akan diterapkan di IPTS, IPG dan politeknik itu.

Katanya, setakat ini, lebih 4,000 mahasiswa membabitkan 16 universiti awam mendapat manfaat daripada program itu dengan terbaharu Universiti Malaysia Perlis (Unimap) melaksanakan program tersebut.

“Kita jangka program ini akan menjadi modul dengan perlaksanaan secara berterusan. Hal demikian kerana, program ini telah memberi impak kepada ahli keluarga berpendapatan rendah,” katanya selepas majlis perasmian program Bank Makanan Siswa Unimap di sini hari ini.

Perasmian program berkenaan disempurnakan Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail.

Berangkat sama, Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil.

Yang turut hadir, Naib Canselor Unimap, Prof. Ir. Dr. R. Badlishah Ahmad.

Antara universiti awam yang melaksanakan program Bank Makanan Siswa ialah kampus Universiti Teknologi Mara (UiTM) Permatang Pauh,

Pulau Pinang, Kampus Perubatan Universiti

Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti

Putra Malaysia (UPM).